


"Kami tetap meletakkan sasaran untuk mencari kemenangan sebab setiap perlawanan adalah amat penting dan setiap pemain perlu bermain sebaik mungkin"
Norbaini Hashim

31-10-2017

arena

79

HARIAN METRO



PEMAIN wanita negara mengasak kubu Singapura.

Benam Singapura

Malaysian Tigress tunjuk belang pada aksi peringkat kumpulan

Saiful Affendy Sapran

saifulaffendy@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Skuad hoki wanita negara mengesahkan kemenangan 8-0 ke atas Singapura pada perlawanan kedua peringkat Kumpulan A saingan Piala Asia yang bersambung semula semalam selepas perlawanan itu terpaksa dihentikan di suku ketiga berikutan hujan lebat, kelmarin.

Berlangsung di Stadium Green Kawasaki, Kakamigahara, Jepun, skuad negara yang sudah selesai mendahului Singapura 7-0 kelmarin, menambah satu gol di



suku keempat semalam menerusi Norbaini Hashim (*gambar*) pada minit terakhir perlawanan.

Kemenangan itu adalah yang pertama diraih Mala-

ysian Tigress pada aksi peringkat kumpulan selepas tewas 4-5 kepada China pada perlawanan pertama.

Skuad negara akan berdepan tugas sukar bertemu pendahulu kumpulan, India pada perlawanan terakhir hari ini untuk menentukan kedudukan dalam kumpulan serta lawan yang akan ditemui di peringkat suku akhir.

India mencatat kemenangan kedua semalam selepas menewaskan China 4-1.

"Pemain kita tidak ada pengalaman bermain perlawanan 15 minit. Kita agak go-poh, tak tenang dan banyak melakukan kesilapan seperti tertekan untuk mempercepatkan pergerakan.

"Selepas India menewaskan China, kami harus mencatatkan kemenangan ke atas mereka esok (hari ini).

"Kami tetap meletakkan sasaran untuk mencari kemenangan sebab setiap perlawanan adalah amat penting dan setiap pemain perlu bermain sebaik mungkin," kata Dhaarma.

Kelmarin, skuad negara meledak tujuh gol menerusi Fatim Shafika Mahd Sukri minit ke-13, Surizan Awang Noh minit (m) ke-15 serta Nuraslinda Said dan Hanis Nadia Onn masing-masing m-19 dan 25.

Tiga gol lagi disumbangkan Nuraini Abdul Rashid m-28, Nuraslinda m-33 dan Norbaini m-36.